

**APLIKASI KOMIK TOONDOO DALAM
PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
GAYA BAHASA PUISI MELAYU
MODEN**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my **KAREN ANAK GUOB**  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



**APLIKASI KOMIK TOONDOO DALAM PENGAJARAN
DAN PEMUDAHCARAAN GAYA BAHASA
PUISI MELAYU MODEN**

KAREN ANAK GUOB



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada10.....(hari bulan).....11..... (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, Karen Anak Guob, M20171000176, FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

[Signature]
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, HASRINA BINTI BAHARUM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAN MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

07/04/2021
Tarikh

[Signature]
DR. HASRINA BINTI BAHARUM
Timbalan Pengarah
Institut Perancangan Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak.
Tandatangan Penyelia

UPS/PS-3/BO 31
Pind : 01 m/s. 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سُلْطَانِ اِيْدْرِيسَ اِيْدْرِيسِي
SULTAN IDRIS EDUCATION INSTITUTEINSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

Aplikasi komrek Teondoo dalam pengajaran
dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu Modon

No. Matrik / Matric's No.:

M20171000176

Saya / I:

KAREH ANAK GNOB

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DR. HASRINA BINTI BAHARUM
Timbalan Pengerah
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak.

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 7/4/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan salam damai, dengan penuh rasa syukur dan berterima kasih atas cinta kasih Tuhan. Pertama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kurnia dan berkatNya, maka disertasi ini berjaya disiapkan. Sekalung penghargaan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang telah memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran. Dalam usaha membina item, mengumpul data, menganalisis bahan-bahan kajian dan dokumentasi, penyelidikan ini telah mendapat bantuan yang tidak terhingga daripada Dr. Hasrina Binti Baharom-Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat. Penghargaan ikhlas juga buat guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah yang terlibat dalam menjayakan kajian ini iaitu SMK Padawan, SMK Tun Abdul Razak, SMK Sematan, SMK Bau dan SMK Tunku Abdul Rahman di Kuching, Sarawak. Seterusnya, jutaan penghargaan juga buat para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS), yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar. Tidak lupa penghargaan juga buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan bantuan, semangat dan sokongan. Akhir sekali buat Ibu dan Ayah yang tidak pernah lelah menjadi tulang belakang kepada diri ini. Segala jasa baik ini didahului dengan ucapan terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan untuk memahami aplikasi Komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek berdasarkan soalan kajian iaitu mengenalpasti masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden, membangunkan rancangan mengajar berbantuan komik Toondoo dan mendapatkan maklum balas murid terhadap PdPc gaya bahasa berbantuan komik Toondoo. Teori konstruktivisme oleh Jean Piaget dan Lee Vygotsky digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan perkembangan kognitif pelajar melalui pembinaan pengetahuan baharu tentang puisi Melayu moden manakala teori kolaboratif menerangkan pembelajaran aktif pelajar secara berkumpulan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kajian kes dan mengumpul data melalui temu bual. Lima guru dan 10 pelajar Kesusasteraan Melayu dipilih menjadi informan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Instrumen kajian adalah protokol temu bual dan senarai semak pemerhatian. Data dianalisis secara tematik berdasarkan data temu bual. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai persepsi yang positif dan percaya penggunaan komik Toondoo boleh menarik minat mereka untuk belajar serta membantu meningkatkan pemahaman di samping dapat merangsang kreativiti mereka. Namun dapatan tersebut masih belum cukup untuk mendorong mereka membina pengetahuan baharu kerana mereka masih mempunyai sikap negatif yang menjadi masalah sewaktu PdPc dalam aspek sikap malas belajar, kekurangan bahan bantu belajar dan gagal menguasai bahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini mendapati penggunaan komik Toondoo dalam Pdpc gaya bahasa puisi Melayu moden memberi kesan yang positif sekiranya guru dan pelajar mampu mengatasi masalah yang wujud dalam Pdpc. Implikasinya penggunaan komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden perlu dilaksanakan di sekolah bagi menambah baik PdPc Kesusasteraan Melayu.



APPLICATION OF TOONDOO COMIC IN TEACHING AND FACILITATION OF MODERN MALAY LANGUAGE POETRY

ABSTRACT

This study is a case study that aims to understand Toondoo Comics application in teaching and facilitation (PdPc) in the style of modern Malay poetry for the subjects of Malay Literature. The study is divided into three areas based on the research questions that identify problems in PdPC style modern Malay poetry, develop lesson plans based Toondoo Comic and get feedback on student on the PdPc by the aid of style Toondoo Comic. The theory of the constructivism by Jean Piaget and Lee Vygotsky is used in this study to describe the cognitive development of students through the construction of new knowledge about the modern Malay poetry while explaining the theory of the collaborative active learning of students in a group. The design of this study uses a case study methods and collects data through interviews. Five teachers and 10 students of Malay Literature chosen to become informants using the purposive sampling technique. The study instruments were interview protocols and observation checklists. Data were analyzed thematically based on interview data. The results show that students have a positive perception and believe that the use of Toondoo comics can attract their interest in the learning as well as help improve the understanding as well as stimulate their creativity. But the findings are still not enough to encourage them to develop new knowledge because they still have a negative attitude were to become a problem regarding Pdpc such as laziness in the learning, lack of teaching aids and failed to master the Malay language. In a nutshell, this study found that the use of Toondoo Comic style PdPc in modern Malay poetry will have a positive impact if teachers and students are able to overcome the problems that exist in the PdPc. The implication Toondoo use of comics in the language teaching and learning styles in modern Malay poetry should be implemented in schools to improve PdPc Malay Literature.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	
SENARAI LAMPIRAN	

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Kerangka Konsep Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Definisi Operasional	18
1.9.1	Aplikasi Komik Toondoo	18

1.9.2	Pengajaran dan Pemudahcaraan	19
1.9.3	Gaya Bahasa	23
1.9.4	Puisi Melayu Moden	24
1.9.5	Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	25
1.10	Rumusan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	27
2.2	Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Aspek Gaya Bahasa	29
2.3	Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu	33
2.4	Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Komik Toondoo	38
2.5	Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Konstruktivisme	44
2.7	Rumusan	49

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.2.1	Kaedah Kajian	53
3.2.2	Teori Konstruktivisme	55
3.2.3	Pendekatan Kolaboratif	58
3.2.4	Huraian Sukatan Pelajaran	59
3.3	Populasi dan Sampel	60
3.4	Instrumen Kajian	62

3.4.1	Protokol Temu Bual	63
3.4.2	Senarai Semak Aplikasi Teori, Pendekatan dan Komik Toondoo dalam Pelan Pengajaran	66
3.5	Prosuder Pengumpulan Data	67
3.5.1	Langkah 1	67
3.5.2	Langkah 2	68
3.5.3	Langkah 3	70
3.6	Kaedah Penganalisisan Data	70
3.6.1	Analisis Data Temu Bual	71
3.6.2	Kesahan dan kebolehpercayaan	72
3.6.2.1	Triangulasi	72
3.7	Rumusan	74

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Permasalahan PdPc Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden	76
4.2.1	Masalah yang Dihadapi Guru Kesusasteraan Melayu	77
4.2.1.1	Masalah Berkaitan Konsep Gaya Bahasa	79
4.2.1.2	Masalah Aras Pelajar Rendah	81
4.2.2	Punca Masalah	83
4.2.2.1	Sikap Negatif Pelajar	85
4.2.2.2	Penguasaan Bahasa Melayu Rendah	86
4.2.2.3	Bahan Rujukan Terhad	87
4.2.3	Cara Mengatasi Masalah	88
4.2.3.1	Pdpc Yang Kreatif dan Berinovasi	89

4.2.3.2 Latihan Pengukuhan	90
4.2.3.3 Nota Konsep	91
4.2.3.4 Penggunaan Media Elektronik dan Internet	93
4.2.4 Impak Kekurangan BBM Kepada PdPc Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden	94
4.2.4.1 Kekurangan Bahan Bantu dan Kemudahan Mengajar	96
4.2.4.2 Masa Mengajar Singkat	97
4.2.4.3 Teknik Pengajaran dan Pemudahcaraan	98
4.3 Rancangan Mengajar Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden Berdasarkan Ciri-ciri Komik Toondoo	99
4.3.1 Aplikasi Teori Konstruktivisme	100
4.3.2 Aplikasi Pendekatan Kolaboratif	101
4.3.3 Aplikasi Komik Toondoo	103
4.3.3.1 Set Induksi	103
4.3.3.2 Pengembangan dan Perbincangan	104
4.3.3.3 Pengukuhan dan Penilaian	105
4.4 Maklum Balas Pelajar Terhadap PdPc Berbantuan Komik Toondoo	105
4.4.1 Ciri-ciri Komik Toondoo	106
4.4.1.1 Bergambar dan Berwarna	108
4.4.1.2 Tulisan dan Isi Kandungan	109
4.4.2 Kesesuaian Komik Toondoo Untuk Aktiviti Berkumpulan	110
4.4.2.1 Berkongsi Pendapat	112
4.4.2.2 Aktiviti Menarik	113
4.4.2.3 Peluang Berinteraksi	113

4.4.2.4 Pembinaan Idea	114
4.4.3 Kewajaran Komik Toondoo Sebagai Bahan PdPc	115
4.4.3.1 Menarik Minat Belajar	117
4.4.3.2 Meningkatkan Pemahaman	118
4.4.3.3 Bacaan Ringan yang Diminati oleh Murid	119
4.4.4 Keupayaan Komik Toondoo dalam Meningkatkan Kreativiti	120
4.4.4.1 Mencetus Idea	121
4.4.4.2 Mencipta Dialog dan Ayat	122
4.4.5 Kesesuaian Komik Toondoo Sebagai Aktiviti Penilaian	123
4.4.5.1 Menguji Pemahaman	125
4.4.5.2 Mencabar	126
4.4.5.3 Mudah Difahami	127
4.4.5.4 Menarik	127
4.5 Rumusan	128

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	130
5.2 Rumusan Kajian	131
5.2.1 Permasalahan Pengajaran Dan Pembelajaran Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden	132
5.2.2 Rancangan Mengajar Gaya Bahasa Dalam Puisi Melayu Moden Berasaskan Komik Toondoo	134

5.2.3	Maklum Balas Pelajar Terhadap Penggunaan Komik Toondoo	136
5.3	Implikasi Kajian	137
5.3.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	137
5.3.2	Guru	138
5.3.3	Murid	138
5.3.4	Pengkaji Masa Depan	139
5.4	Cadangan	140
5.5	Rumusan	141

RUJUKAN	143
----------------	-----

LAMPIRAN	151
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Latar Belakang Guru	61
3.2 Latar Belakang Pelajar	61
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	62
3.4 Senarai Semak Aplikasi Teori, Pendekatan dan Komik Toondoo dalam Rancangan Mengajar	66
3.3 Senarai Semak Rancangan Mengajar Berasaskan Komik Toondoo	69

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	12
1.2 Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu KBSM, 2003	14
3.1 Reka Bentuk Kajian	52
3.2 Teori Konstruktivisme	58
3.3 Protokol Temu Bual Bersama Guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	64
3.4 Protokol Temu Bual Bersama Pelajar Kesusasteraan Melayu	65
3.5 Proses Analisis Dapatan Data Temu Bual Menggunakan Perisian Nvivo 10	71
3.6 Kaedah Pengumpulan Data dalam Kajian	73
4.1 Masalah yang dihadapi guru ketika mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	78
4.2 Punca masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	84
4.3 Cadangan guru untuk mengatasi masalah pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	88
4.4 Kekurangan bahan bantu mengajar menyumbang kepada masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	95
4.5 Maklum balas terhadap ciri-ciri komik Toondoo yang menarik minat belajar gaya bahasa.	107
4.6 Maklum balas murid terhadap kesesuaian komik Toondoo untuk aktiviti berkumpulan	111
4.7 Maklum balas murid terhadap kewajaran komik Toondoo digunakan sebagai bahan bantu mengajar	116
4.8 Maklum balas murid terhadap komik Toondoo untuk meningkatkan kreativiti	120



4.9	Maklum balas murid terhadap aktiviti penilaian dalam komik Toondoo	124
5.1	Model permasalahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden	132
5.2	Model maklum balas pelajar terhadap penggunaan komik Toondoo	136

SENARAI LAMPIRAN

- A Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian
(Kementerian Pendidikan Malaysia)
- B Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian
(Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak)
- C Kesahan Kandungan Protokol Temu Bual
- D Rancangan Mengajar 1
- E Rancangan Mengajar 2
- F Komik Toondoo Gaya Bahasa

BAB 1

PENDAHULUAN

Pendidikan abad ke-21 menuntut guru menggunakan kreativiti merancang rancangan mengajar agar dapat mewujudkan suasana yang menyeronokkan. Bahan bantu mengajar yang dipilih harus mempunyai kekuatan untuk menarik minat pelajar belajar. Tambahan pula perkembangan sistem pendidikan di Malaysia menuntut aspek pedagogi berubah sesuai era web 4.0 yang memberi impak kepada guru dan pelajar. Menurut Ikhwan Salim Sujak (2018), cabaran yang dihadapi oleh guru dalam Revolusi Perindustrian 4.0 adalah perlu memastikan pedagogi sejajar dengan perkembangan abad ke-21.

Sehubungan itu, penggunaan Internet sebagai media pengajaran dan pembelajaran adalah perlu. Subahan Mohd. Meerah dan Syed Ismail (2017) menjelaskan penggunaan komputer menerusi talian internet menawarkan pelbagai

kemudahan dan maklumat yang menguntungkan pendidik. Oleh itu, Maizatul Hayati dan Ummu Husna (2017) mengatakan golongan pendidik perlu peka dengan perkembangan teknologi terkini agar mampu merancang strategi pengajaran dan pembelajaran selari dengan perkembangan teknologi web dalam sistem pendidikan dan trend generasi masa kini. Oleh sebab itu penggunaan komik Toondoo sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang diperoleh daripada internet adalah selaras dengan tuntutan pendidikan pada abad ke-21.

Komik Toondoo ialah bahan sokongan teknologi pendidikan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai memenuhi usaha yang inovatif dan kreatif. Kewujudan laman web komik Toondoo dapat memenuhi keperluan bahan sokongan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui perspektif baharu dengan cara menggabungkan jalin penggunaan teknologi ICT dan multimedia seperti grafik dan ilustrasi (Mazihah Othman, 2013).

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mula diperkenalkan di peringkat tingkatan empat dan tingkatan lima pada Tahun 1957. Keberadaan Kesusasteraan Melayu dalam sistem pendidikan amat penting dalam konteks merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara dan juga mendidik masyarakat dengan ketinggian nilai pusaka warisan bangsa. Pendidikan Kesusasteraan Melayu menjadi medan untuk mendidik, memperluas dan memelihara dengan baik selain sebagai cerminan warisan pusaka bangsa (A. Halim Ali , 2016)

Pembelajaran Kesusasteraan Melayu berupaya menjadi lebih menarik dengan pelbagai kaedah kerana dalam abad ke-21 ini teknologi digital memainkan peranan penting dalam pembelajaran murid. Dalam hal ini, penyediaan dan pemilihan bahan bantu mengajar yang menarik melalui laman web komik Toondoo oleh guru



Kesusasteraan Melayu adalah penting untuk menarik minat belajar dan meningkatkan pemahaman pelajar.

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada aplikasi komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar. Bahan tersebut akan digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai aplikasi Toondoo dalam pengajaran ini merupakan sebuah kajian dalam bidang pedagogi. Pedagogi merupakan kemahiran mengajar yang digunakan oleh guru untuk mengajar. Menurut Subahan Mohd. Meerah dan Syed Ismail Syed Mustapha (2017), pedagogi pada abad ke-21 menuntut guru agar kreatif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran serta menggunakan kelengkapan teknologi yang ada. Oleh itu antara kemahiran pedagogi yang harus dikuasai oleh seorang guru ialah kemahiran membina perancangan pengajaran, kemahiran strategi pengajaran dan kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar.

Kekuatan profesion perguruan dalam memastikan hasrat melahirkan generasi berkemahiran abad ke-21 bergantung kepada kecekapan guru menguasai pengetahuan pedagogi. Pengetahuan pedagogi bukan berdasarkan kepada pengalaman atau pengetahuan tradisional, iaitu sistem pengajaran dan pembelajaran diamalkan terlalu bergantung kepada guru. Bagi melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran abad ke-21 seseorang guru wajib mencuba untuk mengadaptasikan pedagogi inovasi teknologi didalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana pengetahuan





dan kebolehan guru mengadaptasikan kaedah yang inovatif memberikan kesan positif kepada perkembangan dan pencapaian pelajar (Iqbal, Khair Amal, & Eva Rumapea, 2018).

Kajian berkaitan penggunaan komik dalam pengajaran dan pembelajaran telah mendapat perhatian beberapa pengkaji di Malaysia. Antaranya kajian oleh Farah Nadia Azman, Syamsul Bahrin Zaibon dan Norshuhada Shiratuddin (2014) bertajuk *Exploring Digital Comics as an Edutainment Tool: An Overview*. Selain itu, kajian juga dilakukan oleh Shamini Krishnan dan Kamisah Othman (2016), bertajuk *The effectiveness of Using Comic to increase Pupils Achievement & HOTS in Science*. Kajian terbaharu oleh Tan Sai Wah dan Ruhizan Mohd. Yasin (2018), bertajuk *Pembelajaran berasaskan komik: Satu Kajian Sistematis dan Meta Analisis*. Kesemua kajian membuktikan komik berfungsi sebagai pemudah cara pemahaman melalui pengajaran menggunakan bentuk teks, visual, spatial, temperikal dan deria dalam memahami makna sesuatu yang dipelajari. Pelajar juga didapati mudah untuk memahami pengajaran.

Kajian ini juga termasuk dalam bidang kajian pedagogi yang memfokuskan kepada pembinaan rancangan pengajaran yang menggunakan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar sub topik gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Komik berfungsi sebagai pendekatan baharu membantu pemahaman pelajar mata pelajaran kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5. Menurut Siti Zahara, Muhammad Hazizy, Azfi Zaidi, Noorfadzilah A. Rahman (2015), penggunaan ilustrasi bergambar seperti komik, boleh meningkatkan motivasi pelajar dan ayat komik yang mudah pula dapat membantu pelajar memahami konsep yang sukar.



Penggunaan komik Toondoo merupakan bahan bantu mengajar yang terbukti berkesan dalam menjayakan sesebuah pengajaran dan pembelajaran. Kajian terdahulu telah membuktikan keberkesanan komik untuk menarik minat pelajar belajar dan juga sebagai alat menyampaikan maklumat kepada para murid. Walau bagaimanapun kajian ini berbeza daripada kajian lalu kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada penggunaan komik Toondoo sebagai bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Kesimpulannya, pengajaran menggunakan kaedah konvensional menyebabkan ramai pelajar sukar memahami konteks atau teori yang diajar kerana cepat berasa bosan dan hilang motivasi. Oleh itu penggunaan komik Toondoo yang mengandungi ilustrasi bergambar akan membantu meningkatkan motivasi pelajar. Ayat komik yang ringkas pula membantu pelajar memudahkan pemahaman mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini memfokuskan tentang aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa sub topik puisi Melayu moden. Gaya bahasa yang dimaksudkan adalah gaya bahasa yang terkandung dalam skop pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan 4 dan 5. Kajian bermula dengan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.

Pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden mencabar kerana kepelbagaian jenis gaya bahasa yang menyukarkan pelajar memahami tajuk tersebut. Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, Kurikulum



Bersepadu Sekolah Menengah 2003 menggariskan kajian gaya bahasa dalam puisi terdiri daripada bahasa diksi, dialek, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, peribahasa manakala dari aspek unsur gaya bahasa terdiri daripada kajian berkenaan gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa perulangan dan unsur bunyi. Skop kajian yang luas ini menjadi cabaran dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Isu berkaitan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu turut diambil kira. Umum mengetahui bahawa bahan bantu mengajar memainkan peranan penting bagi membantu kejayaan sesebuah pengajaran dan pembelajaran. Bahan bantu mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang sedia ada perlu dipelbagaikan dan diselaraskan dengan cara pembelajaran abad ke-21. Menurut Fariza dalam Sohaimi (2016) masalah pengajaran dan pembelajaran yang tidak memikat berlaku dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu kerana guru tidak menguasai pelbagai teknik dan kaedah pengajaran Kesusasteraan Melayu. Terdapat juga guru yang mempunyai pengetahuan sastera yang luas tetapi mereka tidak mempunyai kaedah dan strategi yang sesuai untuk memudahkan pelajar memahami dan menguasai sesuatu aspek sastera.

Kesannya suasana pembelajaran menjadi hambar dan tidak menyeronokkan sehingga akhirnya merencatkan matlamat dan objektif sukatan pelajaran seperti yang diharapkan. Bahan bantu mengajar yang kurang sesuai menjadikan suasana pembelajaran menjadi tidak kondusif dan gagal memberi pemahaman kepada pelajar. Secara tidak langsung motivasi pelajar untuk belajar menurun sehingga menjejaskan emosi dan konsentrasi mereka terhadap pelajaran. Hal ini selari dengan dapatan kajian





oleh Nur Elyani (2014) bahawa bahan bantu mengajar yang tidak sesuai memberikan kesan kepada prestasi belajar dan proses pengajaran pelajar mahupun guru.

Sementara itu, kebergantungan guru kepada buku-buku ulang kaji, penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran corak lama dan strategi pengajaran yang kurang memikat menyebabkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak mendapat tempat di hati pelajar. Pelajar juga didapati kurang mempunyai motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Kamarul, 2011).

Masalah lain pula dihadapi oleh murid apabila guru yang mengajar Kesusasteraan Melayu tidak menggunakan pendekatan yang boleh menarik minat dan mewujudkan pembelajaran berkesan sebaliknya menggunakan kaedah “*chalk and talk*”. Menurut Naffi Mat (2012) teknik baca teks, bincang dan menjawab soalan sebagai penanda aras kefahaman pelajar masih menjadi rutin yang telah memberi impak kepada subjek Kesusasteraan Melayu itu sendiri. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan suasana yang membosankan di dalam kelas dan murid tidak berminat untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Noriah Taslim dalam Othman Puteh (2000) menegaskan pendidik berperana penting untuk meningkatkan prestasi bidang kesusasteraan sebagai disiplin ilmu yang sangat penting di semua peringkat pendidikan.

Pendidikan Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini seringkali dianggap mata pelajaran yang membosankan. Perkara ini berlaku kerana dianggap sebagai suatu mata pelajaran yang tidak mempunyai nilai ekonomi dan ditawarkan kepada pelajar kelas hujung. Seharusnya perkara ini tidak berlaku dalam dunia pendidikan negara. Hernandez et.al, (2010) berpendapat bahawa seharusnya kerja murid dalam keadaan campur tangan mendedahkan pertumbuhan kepada pemikiran Kesusasteraan Melayu





mereka dan hal ini supaya murid dapat memahami bahawa asas Kesusasteraan Melayu adalah lebih daripada mempelajari karya sastra.

Berdasarkan isu-isu yang timbul berkaitan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, penggunaan laman web Toondoo diharapkan dapat mengatasi isu-isu dan masalah yang dibangkitkan. Menurut Tucker (2014) pada masa kini banyak teknologi tersedia percuma dan mesra pengguna di dalam web 4.0, dengan pemikiran membawa dunia ke dalam bilik darjah untuk merasai sendiri pengalaman dunia sebenar, guru perlu menggunakan teknologi secara berterusan.

Oleh itu guru Kesusasteraan Melayu wajar melakukan proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan bahan daripada Internet seperti komik Toondoo kerana sifatnya yang percuma dan mesra pengguna. Tambahan pula bahan mengajar komik Toondoo sangat membantu dalam meningkatkan pencapaian dan minat murid terhadap pembelajaran. Kirkwood & Price (2014) mendapati ciri-ciri visual yang terdapat dalam komik Toondoo mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan lebih berpusatkan kepada murid.

Mengikut Sidek dan Jamaludin (2005) komik pembelajaran atau bahan rujukan yang lebih ringkas dan direka dalam pelbagai bentuk pendekatan strategi pembelajaran memudahkan murid memahami sesuatu perkara dengan lebih baik. Jumlah murid yang ramai menjadikan guru sukar untuk menilai pencapaian setiap murid. Hal ini memerlukan guru menggunakan pelbagai pendekatan untuk setiap murid agar mereka mampu mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Seperti yang diketahui, kecerdasan dan kebolehan setiap murid adalah berbeza. Salah satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggunakan komik sebagai bahan pembelajaran. Penggunaan komik sebagai bahan bantu mengajar berbentuk grafik





adalah bahan bantu mengajar yang menarik dan mampu merangsang minat pelajar. Menurut Mazlan Ismail (2016) bahan bantu mengajar seharusnya memiliki warna yang menarik perhatian murid agar mereka lebih ceria belajar di samping bahan grafik yang menggambarkan isi kandungan bagi membantu pemahaman murid.

Hasil tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat kelompondan yang jelas. Kajian tentang aspek pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar Komik Toondoo belum dilaksanakan secara meluas di negara kita khasnya berkaitan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian penggunaan Toondoo dalam pendidikan di Malaysia sangat terhad iaitu kajian oleh Farah dan Syamsul (2014), Shamine dan Kamisah (2016) dan Tan dan Ruhizan (2018).

Kajian mengenai penggunaan komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden belum mendapat perhatian pengkaji kerana lebih tertumpu pada mata pelajaran dan aspek lain. Contohnya kajian berkaitan dalam mata pelajaran geografi dilakukan oleh R. Dasgupta (2017), Perubatan (D. Junhasarasdikul, (2017), Bahasa Inggeris (Alba Milena, 2016), Dwi Kurnia (2018)), Matematik Puspita (2016), Bahasa Mandarin (Nuning Catur , 2015), Sains (Shamine, 2016) dan penulisan kreatif (Mona, 2018). Pada ketika ini belum ada lagi kajian berkaitan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dilakukan.

Dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, pelbagai elemen dan aspek perlu difikirkan oleh pendidik dan mereka yang terlibat dengan pengajaran. Oleh itu pendidik perlu mereka bentuk pengajaran mereka agar dapat membina dan merancang pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut Ghazali Din (2016), guru-guru pada hari ini telah didedahkan dengan kemahiran multimedia dan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.



Oleh hal yang demikian, penyelidik membina rancangan pengajaran yang menggunakan lembaran komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar gaya bahasa puisi moden. Teknik ini diharapkan dapat membantu penyelidik bagi membantu menyelesaikan masalah murid tingkatan empat dalam pemahaman sesuatu konsep sastera serta meningkatkan minat mereka untuk belajar. Pendekatan yang digunakan adalah secara kolaboratif melibatkan antara guru dengan murid dan antara murid dengan murid. Melalui cara ini, pembelajaran berkesan dapat berlaku dengan maksimum.

Komik membantu guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengajar tajuk gaya bahasa dengan lebih berkesan. Dalam proses pembacaan komik, murid dapat melahirkan idea-idea yang kreatif untuk menerangkan konsep gaya bahasa yang dipelajari, memahami konsep gaya bahasa, seterusnya membantu meningkatkan pemahaman, ingatan dan pencapaian mereka.

Oleh itu, kajian berkaitan aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa perlu dilakukan sebagai satu cara efektif untuk menarik minat murid belajar seterusnya dapat memahami gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Minat belajar penting untuk membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hasil kajian ini juga penting untuk mengisi kelompongan dalam bidang berkaitan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti permasalahan pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.
2. Menghasilkan rancangan mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden berasaskan Komik Toondoo.
3. Menganalisis maklum balas pelajar terhadap aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden berbantuan komik Toondoo.


1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah masalah yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ?
2. Bagaimanakah rupa bentuk rancangan mengajar gaya bahasa puisi Melayu moden yang berbantuan komik Toondoo ?
3. Bagaimanakah maklum balas pelajar terhadap pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden berbantuan komik Toondoo?

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian memerlukan asas rasional yang kuat untuk menunjukkan perkaitan antara latar kajian serta persoalan kajian yang spesifik dengan persoalan yang

lebih besar. Menurut Othman Lebar (2017), pembinaan kerangka konseptual menggabungkan pengalaman, pengetahuan penyelidik dengan penelitian yang dibuat ke atas literatur dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan fokus kajian yang dicadangkan. Pada bahagian ini, arah tuju kajian dan hubungan konstruk yang berbeza yang hendak dikaji dijelaskan. Sehubungan itu, kerangka konsep dalam kajian ini dapat dijelaskan dalam rajah berikut.



Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian

Berdasarkan rajah di atas pengkaji telah menetapkan kajian bermula dengan mengenal pasti masalah dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi moden. Kaedah kutipan data digunakan adalah temu bual dan kajian kepustakaan. Fokus kajian seterusnya adalah mengenal ciri-ciri komik Toondoo yang digunakan untuk penghasilan rancangan pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Rancangan mengajar yang dibina pula adalah berpanduan

teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif. Akhir sekali maklum balas pelajar terhadap pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa berasaskan komik Toondoo dinilai dan dianalisis untuk melengkapkan dapatan kajian.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada aplikasi komik Toondoo untuk tujuan bahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Pengkaji membataskan kajian dengan memilih empat sahaja puisi Melayu moden dalam teks Kesusasteraan Melayu Moden Tingkatan 4 dan 5, *Antologi Ku Bentang Sehelai Peta* iaitu sajak *Virus dari Langit Global* (Nur Suhada Sayuti), Sajak *Seorang Tua di Kaki Tamadun* (Fadh Razy), *Sajak Selamat Tinggal Eropah II* (Muhammad Haji Salleh) dan sajak *Citra Pelangi I Malaysia* (A. Halim Ali). Batasan ini dibuat kerana pengkaji membataskan dua sajak dalam setiap rancangan mengajar yang dibina. Memandangkan pengkaji membina dua rancangan mengajar maka empat sajak telah dipilih untuk kajian ini.

Pengkaji juga membataskan kajian kepada pengajaran puisi Melayu moden. Topik tersebut terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu pada Bahagian D, Puisi Tradisional dan Moden. Sub topik 6.0 iaitu kajian gaya bahasa dipilih kerana kesesuaian aspek diajar menggunakan pendekatan komik. Pengkaji membataskan kajian kepada aspek 6.3 pada sub topik iaitu menganalisis unsur gaya bahasa dalam puisi yang dikaji. Kajian ini hanya menggunakan gaya bahasa pengulangan (anafora, responsi, epifora dan repetisi), metafora, personifikasi, hiperbola, sinkop dan simile. Hal ini kerana aspek unsur gaya bahasa sangat luas

sedangkan pengkaji hanya bertujuan membina dua rancangan mengajar. Tambahan pula, gaya bahasa yang dipilih untuk kajian ini adalah antara gaya bahasa yang kerap ditemukan dalam kajian puisi Melayu moden. Huraian aspek bagi sub topik tersebut adalah seperti berikut:

6.0 Menganalisis gaya bahasa dalam puisi

6.1 Menerangkan definisi gaya bahasa.

6.2 Menerangkan diksi, dialek, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik dan peribahasa dalam puisi.

6.3 Menganalisis unsur gaya bahasa dalam puisi yang dikaji.

6.4 Menganalisis unsur bunyi dalam puisi yang dikaji.

Rajah 1.2. Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, KBSM, 2003

menggunakan aplikasi Toondoo. Komik Toondoo dipilih kerana kemampuannya mencipta persekitaran pembelajaran yang efektif menggunakan teknologi visual. Oleh itu, sebanyak dua rancangan mengajar untuk tujuan mengajar sub topik tersebut akan disediakan. Pengkaji membataskan dua lembaran komik untuk setiap sub topik yang diajar. Oleh kerana terdapat empat sub topik yang dipilih maka pengkaji akan menyediakan hanya sembilan lembaran komik untuk tujuan pengajaran.

Pembinaan rancangan mengajar dan bahan bantu mengajar komik Toondoo dan pada kajian ini adalah berdasarkan saranan teori konstruktivisme kerana kesesuaiannya sebagai teori pembelajaran. Pengkaji melaksanakan teori ini dengan menggunakan pendekatan kolaboratif atau aktiviti belajar secara berkumpulan di dalam rancangan pengajaran yang disediakan.

Metodologi yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual, kaedah analisis kandungan dan kaedah kepustakaan. Teori Konstruktivisme berasaskan pendapat Jean Piaget dan Lee Vygotsky (1896-1980) dan pendekatan secara kolaboratif digunakan sebagai asas utama pembinaan rancangan pengajaran. Teori dan pendekatan tersebut digunakan kerana kesesuaiannya sebagai teori kognitif yang diakui sesuai dengan gaya pembelajaran abad ke-21 oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Kajian ini membataskan kepada lima peserta kajian yang terdiri daripada guru Kesusasteraan Melayu yang berpengalaman mengajar mata pelajaran tersebut. Mereka dipilih untuk sesi temu bual berkaitan masalah pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi moden. Selain itu, 10 peserta kajian dalam kalangan murid pula dipilih dari SMK Padawan, Kuching, Sarawak. Sekolah tersebut dipilih kerana menawarkan mata pelajaran elektif Kesusasteraan Melayu. Mereka terdiri daripada murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai mata pelajaran elektif di SMK Padawan. Keseluruhannya, batasan kajian dibuat berdasarkan tujuan dan kehendak kajian ini.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan membina perancangan mengajar berbantuan komik Toondoo bagi pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden yang terkandung dalam buku teks Kesusasteraan Melayu SPM Tingkatan 4 dan 5. Hasil kajian ini penting dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran tajuk gaya bahasa dalam puisi moden. Kepentingan kajian mengenai aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran



dan pembelajaran puisi moden ini boleh dibahagikan kepada empat pihak iaitu pelajar, guru, sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan pengkaji yang lain.

Kajian ini penting dalam menyelesaikan masalah pembelajaran gaya bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu khasnya berkenaan topik gaya bahasa puisi Melayu moden. Kajian ini juga penting bagi mendapatkan maklumat ciri-ciri yang ada pada komik Toondoo untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Ciri-ciri ini penting untuk meningkatkan pengetahuan guru Kesusasteraan Melayu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Secara tidak langsung, kajian ini secara keseluruhannya berkepentingan memberi cadangan penggunaan komik sebagai bahan bantu mengajar agar pengajaran guru lebih menarik dan efektif.

Penggunaan komik Toondoo dapat membentuk pengajaran yang memikat, aktif dan menyeronokkan seterusnya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang segar dan bermotivasi. Pelajar tidak berasa bosan dan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran kerana mereka dilibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan komik Toondoo di samping pembelajaran secara kolaboratif bukan sahaja dapat memupuk bakat pelajar tetapi juga mampu menimbulkan minat dan penghayatan terhadap karya sastra.

Selain itu, kajian ini penting untuk membangunkan sebuah pelan pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden yang berbantuan komik Toondoo. Umum mengetahui komik penting sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru khasnya guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, maka rancangan pengajaran yang dibina dapat membantu mempelbagaikan rujukan guru untuk menambah baik kaedah pengajaran gaya bahasa yang sedia ada. Rancangan pengajaran yang dihasilkan turut menjadi garis panduan yang jelas dan terperinci untuk





memastikan pelajar terkawal dalam pembelajaran kolaboratif. Intinya, guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut kreativiti dan tahap pencapaian pelajar masing-masing.

Kajian ini penting dalam meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar dalam pembelajaran gaya bahasa puisi moden. Hal ini demikian kerana, bahan komik Toondoo telah dikaji keberkesanannya dalam meningkatkan motivasi murid. Murid dapat lebih memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru. Selain itu mereka juga lebih bersemangat dan bermotivasi belajar dengan merujuk bahan grafik komik sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu komik yang dibina juga mampu menaikkan pencapaian di kalangan murid khasnya murid yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu SPM.



Bagi pihak Kementerian Pendidikan dan pengkaji hasil kajian ini akan menjadi rujukan penting sebagai satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan dalam pelaksanaan dasar-dasar teknik pengajaran dan pembelajaran yang baharu selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21. Penggunaan laman web komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diperluaskan. Dengan itu usaha memantapkan sistem pendidikan negara untuk menghadapi gelombang web 4.0 melalui penggunaan teknologi dalam pendidikan dapat dilaksanakan.

Bagi pengkaji pada masa depan, khasnya dalam bidang pedagogi, kajian ini penting dijadikan sebagai asas untuk membuat kajian seterusnya berkaitan bidang yang sama. Tambahan pula, kajian berkaitan penggunaan komik dalam bidang pendidikan di Malaysia adalah terhad. Dengan itu, kajian ini secara tidak langsung dapat memberi panduan dan penilaian yang tepat untuk dibuat penambahbaikan. Akhirnya kajian ini



dapat membantu memperkembang pengetahuan dan kemahiran seperti yang dikehendaki.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional ialah satu elemen yang digunakan dalam proses kajian saintifik bagi suatu konsep khas yang diertikan sebagai kekerapan pengukuran. Hal ini kerap digunakan dalam bidang falsafah, psikologi dan pengajian komunikasi. Definisi operasional adalah penting dalam membantu pengkaji memahami konsep sebenar penyelidikan yang dijalankan. menerangkan istilah-istilah sebenar sesuatu kajian yang dijalankan secara terperinci. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan berasaskan beberapa istilah atau konsep yang dirumuskan kepada definisi operasional seperti berikut:

1.9.1 Aplikasi Komik Toondoo

Menurut laman web utama www.Toondoo.com (2012) komik Toondoo merupakan satu aplikasi yang dihasilkan oleh Syarikat Jambav. Laman web ini digunakan untuk mereka komik berunsur pendidikan yang menarik dan menyeronokkan untuk murid-murid. Toondoo juga direka untuk mewujudkan keunikan yang pelbagai dalam permainan dalam talian dan disesuaikan dengan permainan dalam talian yang berunsurkan pendidikan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak yang memiliki gaya pembelajaran yang berbeza. Di samping itu, Toondoo juga direka untuk memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang tidak mempunyai bakat melukis kartun untuk mereka komik mengikut kreativiti tersendiri.



Menurut guru pakar Steve Bowkett & Tony Hitchman (2012) imej kartun dalam komik boleh digunakan sebagai sebahagian daripada senjata guru untuk melahirkan pelajar yang celik huruf, membina kemahiran berfikir dan meningkatkan kreativiti dan minat belajar. Oleh itu, aplikasi komik Toondoo yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah seperti yang terdapat dalam laman web www.Toondoo.com.

Bahan bantu mengajar dalam bentuk lembaran komik digunakan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Selain itu lembaran kerja ini berfungsi sebagai pemudah cara kepada guru-guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak enam lembaran komik yang direka menggunakan komik Toondoo disediakan untuk melengkapkan rancangan pengajaran yang disediakan.



Guru juga menggunakan laman komik Toondoo sebagai tugas kepada pelajar. Aktiviti membina komik diberikan sebagai tugas yang perlu disiapkan secara berkumpulan di luar waktu kelas. Dengan cara ini komik Toondoo juga diaplikasikan dalam aktiviti pengukuhan pelajar. Berdasarkan perbincangan di atas, komik Toondoo yang akan digunakan dalam konteks kajian ini merujuk kepada bahan Toondoo daripada laman web www.Toondoo.com.

1.9.2 Pengajaran dan Pemudahcaraan

Pengajaran merupakan proses untuk menyampaikan dan menyumbang idea-idea. Ahmad Subki dan Syed Ismail (2013) mendefinisikan pengajaran sebagai aktiviti yang berkaitan penyebaran ilmu pengetahuan yang meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Pengajaran memudah cara





pembinaan ilmu dengan menentukan standard dan menggalakkan kreativiti murid. Dengan itu pengajaran membantu seseorang murid untuk belajar dan mencabar murid ke arah pencapaian potensi optimum.

Sementara itu, Abdul Majid (2015) istilah pembelajaran bermaksud usaha untuk mendidik dan memupuk seseorang individu atau kelompok melalui pelbagai usaha dan pelbagai strategi langkah dan pendekatan ke arah pencapaian tujuan yang telah dirancang. Kegiatan guru secara terprogram dalam reka bentuk pengajaran untuk menjadikan pelajar belajar secara aktif yang menekankan terhadap penyediaan sumber pembelajaran.

Frasa pemudahcaraan ditemukan dalam pembinaan rancangan pengajaran dalam pembelajaran abad ke 21 menggantikan frasa pembelajaran yang digunakan sebelum ini. Frasa ini juga digunakan dalam menghuraikan senarai Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang kedua (2016-2020). Peranan guru sebagai pemudah cara pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk memperkembang potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.

Guru pada abad ke 21 perlu mempunyai kemahiran pemudahcaraan. Kemahiran tersebut merupakan proses yang memudahkan sesuatu tindakan. Proses pemudahcaraan menggerakkan sesuatu aktiviti pembelajaran agar dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu, pemudahcaraan turut merupakan kecekapan guru yang berjaya memotivasikan pelajar-pelajar bersedia belajar, membimbing mereka menjalani aktiviti pembelajaran dengan lancar, menggalakkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan melicinkan segala proses pembelajaran secara terus menerus tanpa sebarang gangguan atau hentian.





Jeanne Allen & Simone White (2018) menjelaskan guru paling berkuasa pada pencapaian pelajar. Ian Gilbert (2011) pula menjelaskan peranan guru abad ke 21 adalah untuk membantu murid dengan menunjukkan di mana dan bagaimana untuk mendapatkan pengetahuan, untuk mengaplikasikan pengetahuan secara kreatif dan mengingati.

Bahan bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini adalah penggunaan komik Toondoo. Menurut Mazlan (2016) bahan pengajaran yang baik adalah bahan yang berbeza daripada kebiasaan yang digunakan untuk melahirkan perasaan ingin tahu. Pengkaji mendapati komik Toondoo adalah bahan baharu yang belum digunakan secara meluas sebagai bahan bantu mengajar khususnya di negara kita. Imej komik boleh digunakan sebagai sebahagian alat pemudahcaraan untuk meningkatkan minat belajar, kreativiti murid dan rasa ingin tahu di kalangan murid (Steve Bowket & Tony Hitchman, 2012). Maka Toondoo pastinya berbeza daripada kebiasaan guru dan pastinya dapat menarik perhatian pelajar.

Menurut Siti Khairiah Mohd Zubir (2016), usaha menarik minat pelajar dalam pengajaran puisi adalah dengan mempelbagaikan kaedah, teknik, pendekatan dan aktiviti. Cara tersebut digunakan untuk menjadikan sesi pengajaran puisi sesuatu yang menyeronokkan, menarik dan berkesan. Subahan Mohd. Meerah (2017), pula menyatakan penggunaan internet dalam pengajaran pada abad ke-21 kini dapat menyediakan sumber yang begitu luas kepada guru dan pelajar. Penggunaan internet sebagai media pengajaran dan pembelajaran mewarnai dunia pendidikan mengubah corak pengajaran dan pembelajaran tradisi kepada corak yang lebih moden. Terdapat banyak laman web telah dibina dan diselenggarakan untuk objektif tertentu termasuk pengajaran dan pembelajaran.



Sebuah laman web, ED's Oasis 2000 menyenaraikan jenis laman sesawang yang dikategorikan kepada tiga iaitu sebagai a)Bahan sumber, b)Projek, dan c) Sumber maklumat tambahan. Kajian ini menggunakan laman sesawang www.Toondoo.com untuk mendapatkan bahan pengajaran. Toondoo adalah kategori bahan sumber dari internet yang boleh digunakan oleh guru secara percuma bagi menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan laman Toondoo sebagai *platform* untuk melengkapkan tugas berbentuk aktiviti berkumpulan.

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran adalah berkaitan pengetahuan pedagogi di dalam kalangan guru kesusasteraan Melayu. Pendidikan abad ke-21 menuntut guru Kesusasteraan Melayu wajib mencuba untuk mengadaptasikan pedagogi inovasi teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana pengetahuan dan kebolehan guru mengadaptasikan kaedah yang inovatif memberikan kesan positif kepada perkembangan dan pencapaian pelajar. Menurut Abang Patdeli dalam A. Halim Ali dan Julieta Taisin (2018) aspek pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu harus disuntik dengan inovasi agar tidak hanya berfokuskan pengajaran dan pembelajaran aspek struktural atau formalistik . Oleh itu inovasi dilakukan terhadap pelbagai teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran sedia ada agar lebih mantap dan sesuai dengan tahap penerimaan murid dalam era digital kini.

Walau bagaimanapun, istilah pembelajaran dalam kajian ini membawa maksud kegiatan guru secara terancang dalam reka bentuk rancangan pengajaran untuk menjadikan pelajar belajar secara aktif. Kajian ini menunjukkan pembelajaran bukan sahaja terbatas kepada peristiwa yang dilakukan oleh guru tetapi mencakupi semua kegiatan yang mempunyai pengaruh langsung dalam proses belajar yang meliputi aktiviti yang diperoleh daripada bahan pengajaran seperti komik Toondoo. Istilah



pemudahcaraan dalam kajian ini merujuk kepada peranan guru mata pelajaran kesusasteraan Melayu dalam membimbing pelajar sastra menjalani aktiviti pembelajaran dengan lancar disamping menggalakkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Dengan itu, segala proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar secara terus menerus tanpa sebarang gangguan atau hentian.

1.9.3 Gaya Bahasa

Menurut Ariff Mohamad (2018) istilah gaya bahasa hanya digunakan dalam perbincangan karya-karya Kesusasteraan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu. Sementara itu, menurut Nik Hassan Basri (2005) pengajaran gaya bahasa dalam karya kreatif penting kerana gaya bahasa dianggap sebagai nadi yang menghidupkan sebuah karya kreatif. Karya kreatif yang berbentuk puisi Melayu moden mempunyai unsur keindahan dan istimewa kerana terbina daripada gabungan unsur-unsur gaya bahasa tertentu.

Menurut Atmazaki (1993), unsur formal sajak adalah bahasa yang tersusun dalam baris dan bait. Selaras dengan pendapat itu, kajian gaya bahasa dalam konteks kajian ini merujuk kepada gaya bahasa dalam aspek perulangan (anafora iaitu pengulangan kata pada awal baris, aspek epifora iaitu pengulangan perkataan pada akhir baris, aspek responsif iaitu pengulangan kata pada tengah baris, aspek repitisi iaitu pengulangan perkataan, asonansi iaitu pengulangan bunyi vokal dalam baris dan aliterasi iaitu pengulangan bunyi konsonan dalam baris). Walau bagaimanapun aspek kajian gaya bahasa yang akan digunakan dalam kajian ini merangkumi konsep gaya bahasa, gaya bahasa perulangan dan gaya bahasa klasik.



1.9.4 Puisi Melayu Moden

Puisi Melayu moden dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu merujuk kepada sajak. Sajak adalah karya sastra yang puitis dan sarat dengan unsur estetik. Menurut Halim Ali (2004) sajak adalah satu-satunya genre puisi Melayu moden. Pengikut sastra Melayu di Indonesia, Brunei dan Singapura sajak difahami sebagai puisi Melayu moden.

Puisi Melayu moden telah dimasukkan dalam kandungan pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan bahasa Melayu di sekolah sejak tahun 1957. Penggunaan puisi Melayu moden sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bertujuan menggalakkan pelajar sentiasa kreatif dengan menghasilkan karya-karya dan dapat pula menghuraikan pengajaran-pengajaran dalam karya kepada kehidupan seharian.

Sajak merupakan salah satu genre puisi yang turut diajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat menengah (Tingkatan 4 dan 5). Mulai tahun 2015 buku teks yang digunakan sebagai rujukan utama pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu adalah *Antologi Ku Bentang Sehelai Peta (Sastra Moden)* yang memuatkan 26 buah puisi Melayu moden. Dalam konteks kajian ini puisi Melayu moden yang digunakan untuk kegunaan kajian ini adalah *Virus dari Langit Global* (Nur Suhada Sayuti), *Sajak Seorang Tua di Kaki Tamadun* (Fadh Razy), *Sajak Selamat Tinggal Eropah II* (Muhammad Haji Salleh) dan sajak *Citra Rancangan gi 1 Malaysia* (A. Halim Ali).

1.9.5 Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan Melayu adalah ialah satu mata pelajaran yang tersenarai dalam kurikulum pendidikan di sekolah. Tujuan Pengajaran Kesusasteraan Melayu diajar di sekolah adalah untuk melengkapkan ilmu sastera dengan harapan pelajar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan sastera Melayu.

Bagi pengajaran Kesusasteraan Melayu sebagai satu subjek, puisi Melayu moden dihadirkan sebagai salah satu daripada genre karya yang digunakan bagi mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran (Halim Ali, 2004). Puisi Melayu moden berperanan sebagai sumber yang boleh melengkapkan keperluan emosi pelajar.

Sahlan Mohd Saman dalam Othman Puteh (2000) menyatakan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu merangkumi soal mempelbagaikan kaedah atau pendekatan pengajaran dengan sesuatu yang menarik minat pelajar. Cara tersebut dapat menghindarkan monoton, mendedahkan pelajar kepada inovasi dan kreativiti, memberi petanda bahawa guru memiliki ilmu yang cukup luas serta mudah dipercayai.

Sehubungan itu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang menjadi perhatian sebagai subjek kajian ini ialah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan empat yang ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah menengah di Malaysia.

1.10 Rumusan

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan kajian ini adalah sebuah kajian dalam bidang pedagogi yang memfokuskan kepada pembinaan bahan mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berasaskan komik Toondoo. Penghasilan rancangan pengajaran tersebut bertitik tolak daripada masalah pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden yang dihadapi oleh para guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hasilnya rancangan pengajaran berasaskan teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif kemudiannya dibina sebagai rujukan penting untuk guru dan pengkaji berkaitan.